

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SRI WILLIAM MAWAN
IKOM [SARATOK]**

TARIKH : 11 JUN 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tan Sri Dato' Sri William Mawan Ikom minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah cadangan Kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan penjanaan tenaga elektrik daripada sumber fosil.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

2. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah melaksanakan tiga langkah strategik bagi mengurangkan kebergantungan penjanaan tenaga elektrik daripada sumber fosil iaitu melalui langkah memantapkan kerangka institusi, perundangan dan pembangunan loji-loji jana kuasa dari sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB). Dari segi kerangka institusi, Kerajaan telah menubuhkan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari atau *Sustainable Energy Development Authority*- SEDA Malaysia, dengan izin, iaitu agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan industri TBB negara. SEDA Malaysia juga bertanggungjawab bagi mentadbir dan melaksanakan mekanisme *Feed-in Tariff* bagi memacu pertumbuhan industri TBB negara.

3. Penggubalan undang-undang seperti Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 dan Akta SEDA 2011 membolehkan penubuhan SEDA Malaysia serta kaedah-kaedah pelaksanaan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT).

Pengenalan Akta TBB 2011 dan penubuhan SEDA Malaysia ternyata telah menyediakan persekitaran yang kondusif kepada pihak industri dan individu untuk berkecimpung dalam industri TBB.

4. Melalui kuota *Feed-in Tarif* yang disediakan oleh SEDA Malaysia, lebih banyak loji-loji biomas, biogas dan solar PV telah dibangunkan. Sehingga 30 April 2015, sebanyak 6,524 permohonan kuota FiT TBB yang bersamaan dengan 949.8 MW telah diluluskan. Daripada jumlah ini, sebanyak 3,837 permohonan yang bersamaan dengan 283 MW telah dilaksanakan dan bermulatugas.

5. Bagi menjamin pembangunan teknologi TBB yang mapan, Kementerian pada masa ini sedang mengkaji pelaksanaan *net energy metering* dan pembangunan pemasangan solar PV berskala besar. Pelaksanaan kedua-dua mekanisme ini bukan sahaja akan membolehkan penyertaan lebih ramai individu dan entiti komersial serta syarikat-syarikat tempatan dalam penjanaan tenaga, tetapi juga seterusnya meningkatkan jumlah kapasiti terpasang yang dijana daripada sumber TBB.
